

Kah Kiat nyatakan hasrat mahu bercuti sebulan — PM

UM 12 FEB 2003

KUALA LUMPUR 11 Feb. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, Datuk Chong Kah Kiat menyatakan hasrat untuk bercuti sebulan bagi membolehkan penggantinya mendapat pengalaman sebelum mengambil alih jawatan Ketua Menteri Sabah.

Perdana Menteri berkata, spekulasi bahawa Kah Kiat bertemu dengannya bagi meminta dilanjutkan tempoh adalah tidak benar kerana beliau sebenarnya mahu bercuti bagi memudahkan proses pengambil alihan tugas oleh penggantinya yang akan diisi oleh pemimpin UMNO.

“Sebenarnya dia datang kepada saya, dia kata kalau boleh dia hendak cuti sebulan dulu supaya penggantinya dapat pengalaman tentang kerja-kerja.

“Itu tujuan dia datang jumpa saya, bukan dia minta hendak lanjutkan tempoh,” tegas Perdana Menteri.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas melancarkan pembangunan Pusat Konvensyen Kuala Lumpur di Hotel Mandarin Oriental di sini hari ini.

Perdana Menteri mengulas tulisan *Awang Selamat* dalam *Mingguan Malaysia* kelmarin bahawa Kah Kiat bertemu dengannya pada 6 Februari lalu bagi memohon supaya dipertimbangkan tempoh perkhidmatan sebagai Ketua Menteri.

Sistem penggiliran jawatan Ketua Menteri di Sabah diperkenalkan pada tahun 1994 bagi memberi peluang kepada pemimpin bumiputera Islam, Cina dan bumiputera bukan Islam menyandang jawatan tersebut untuk tempoh selama dua tahun.

Kah Kiat adalah Ketua Menteri keenam dalam sistem itu selepas Tun Sakaran Dandai, Datuk Seri Mohd. Salleh Said, Datuk Yong Teck Lee, Tan Sri Bernard Dompok dan Datuk Osu Sukam.

Perkhidmatan Kah Kiat sebagai Ketua Menteri akan berakhir bulan depan dan beliau sepatutnya digantikan oleh seorang pemimpin dari UMNO Sabah.

Antara calon yang disebut-sebut untuk memegang jawatan tersebut ialah Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Sabah, Datuk *Musa Aman*.

Semalam, Kah Kiat menyatakan bertemu Perdana Menteri bagi menyampaikan hasrat melepaskan jawatannya pada 27 Mac ini.

Menurut Perdana Menteri, spekulasi bahawa Kah Kiat bertemu dengannya bagi meminta dilanjutkan tempoh adalah sangkaan buruk yang tidak berasas.

“Saya berasa amat sedih buat tuduhan yang tak ada asas langsung, sangkaan buruk... tidak ada lain melainkan menyangka ahli politik ini jahat-jahat belaka,” kata Perdana Menteri.

Dr. Mahathir yang juga Presiden UMNO secara berseloroh juga memberitahu, parti itu belum lagi memutuskan siapa calon yang akan menggantikan Kah Kiat.

“Tidak ada calon, yang itu bukannya boleh hantar borang permohonan,” katanya.

Perdana Menteri mengesahkan bahawa kedudukan Ketua Menteri Sabah itu akan diisi oleh UMNO sebaik sahaja perkhidmatan Kah Kiat tamat.

“Ya, giliran (seterusnya adalah) UMNO,” tegas beliau.